



**LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING BIL. 3/99**

**Penjelasan Mengenai Syarat-Syarat Lembaga  
Bagi Pendaftaran Firma Juruperunding Ukur Bahan**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

Kami merujuk kepada Surat Pekeliling LJBM Bil. 1/1993 mengenai Garis Panduan bagi Pendaftaran Firma dan Badan Korporat untuk Beramal sebagai Juruperunding Ukur Bahan.

Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) di dalam mesyuaratnya yang diadakan pada 16.10.99 telah memutuskan bahawa Juruukur Bahan yang ingin menubuhkan firma bertaraf milik perseorangan atau rakankongsi mesti mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman kerja yang relevan dari tarikh kelulusan pendaftaran Juruukur Bahan Berdaftar dengan LJBM. Bagi pendaftaran firma bertaraf badan korporat, keperluan ini akan dikaji dan diberi kecualian berdasarkan kes ke kes mengikut budibicara Lembaga.

Dengan Perintah Lembaga,

Tan Kim Lian  
Pendaftar  
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

6 Disember 1999